

Agenda perubahan iklim, teknologi hijau diutamakan

BH - 12/10/2021 m/s: 2

Kerajaan komited tangani isu seperti dirancang dalam RMK-12

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan agenda perubahan iklim dan teknologi hijau menjadi keutamaan negara di bawah pentadbiran kerajaan sekarang yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, adalah penting untuk negara terus komited dan progresif dalam menangani isu berkenaan selaras tema ketiga RMK-12, iaitu melonjakkan kemampuan.

Semalam, katanya, beliau telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) yang dianggotai 13 menteri besar dan ketua menteri, 16 menteri Kabinet, ketua setiausaha negara dan dua pakar sebagai ahli jempunan.

"Isu perubahan iklim perlu ditangani segera dengan menga-

mbil kira impak fenomena pemanasan global yang disebabkan oleh peningkatan pelepasan gas rumah kaca (GHG) ekoran aktiviti manusia. Ia akan memberi kesan kepada sistem iklim global yang seterusnya menyebabkan kejadian cuaca yang lebih ekstrem.

"Selain itu, pemanasan global akan memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi negara sekiranya tidak ditangani secara bersama pada kadar segera," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat MyCAC semalam mengambil maklum berhubung Persidangan Ke-26 Negara Ahli Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26) yang bakal diadakan di Glasgow, Scotland pada 31 Oktober hingga 12 November depan.

"Buat julung kali, pendirian Malaysia yang bakal dibentangkan semasa UNFCCC COP-26 telah dibincangkan pada peringkat tertinggi negara melalui platform MyCAC.

"Walaupun saya serta Menteri Alam Sekitar dan Air (Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man) tidak dapat menghadiri World Leader's Summit pada 1 hingga 2 November nanti dan UNFCCC COP-26,

keputusan mesyuarat memberi mandat kepada delegasi diketuai Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk menyampaikan kenyataan negara.

"Antara inti pati perbincangan dan keputusan mesyuarat yang akan diketengahkan dalam kenyataan negara adalah pengemaskinian Nationally Determined Contributions (NDC) yang lebih *ambitious* kepada UNFCCC COP-26.

"Malaysia berhasrat mengurangkan intensiti pelepasan GHG merentasi ekonomi sebanyak 45 peratus (berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar) pada 2030 kelak.

"Pengurangan intensiti itu dibuat tanpa syarat dan 10 peratus lebih tinggi daripada sasaran sebelum ini," katanya.

Selain itu, katanya, aspirasi negara untuk mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawalnya pada 2050, tertakluk kepada hasil kajian Strategi Jangka Panjang Pembangunan Rendah Karbon (LT-LEDS) yang akan dimuktamadkan pada akhir 2022 oleh KASA.

Kenyataan lain membabitkan Pelaksanaan Skim Perdagangan Karbon Domestik (DETS) oleh KASA dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Bursa Malaysia Berhad, membabitkan pembangunan platform tunggal bagi transaksi kredit karbon di

peringkat domestik.

"Kerajaan yakin DETS berpotensi menarik pelaburan rendah karbon ke dalam negara, meningkatkan daya saing produk keluaran Malaysia di peringkat antarabangsa dan menjana sumber kewangan mampan kepada entiti dalam negara," katanya.

Selain itu, meningkatkan penajaan tenaga boleh baharu, sasaran perolehan 100 peratus kenderaan kerajaan yang bukan berasaskan enjin pembakaran dalam (ICE) menjelang 2030, kekal sekurang-kurangnya 50 peratus litupan hutan negara, menggalakkan *zero waste* dan kitar semula serta pembangunan bandar rendah karbon melalui Pelan Induk Bandar Rendah Karbon dan konsep ekonomi kitaran.

Kerajaan juga, katanya, mengambil kira faktor perubahan iklim dalam reka bentuk kejuruteraan sistem infrastruktur berkaitan air bagi memastikan pengurusan air secara lestari dan menggalakkan lebih banyak pihak swasta menjadikan aspirasi pelepasan GHG bersih sifar dalam agenda kelestarian operasi syarikat.

"Dalam hal ini juga, ASEAN wajar dimanfaatkan sebagai satu kumpulan rundingan bagi menyuarakan pendirian bersama negara-negara di rantau ini. Memandangkan isu perubahan iklim merentas sektor dan kini di-

“Pemanasan global juga akan beri impak kepada pembangunan sosioekonomi negara sekiranya tidak ditangani bersama pada kadar segera”

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri



kaitkan juga dengan isu perdagangan antarabangsa, adalah penting untuk KASA terus menerajui agenda terbabit.

"Justeru, kerajaan wajar memperkukuhkan tadbir urus perubahan iklim negara, antaranya melalui penubuhan Pusat GHG Kebangsaan di bawah KASA. Ia penting bagi meningkatkan ketelusan pelaporan maklumat perubahan iklim negara dan data perubahan iklim diuruskan pusat itu supaya dapat meningkatkan keyakinan pelaburan rendah karbon.

"Negara juga perlu mengambil kira pendekatan kesihatan planet (planetary health) bagi menangani krisis iklim dan melindungi kesihatan Keluarga Malaysia. Selaras pendekatan 'whole of nation', semua pemegang taruh diseru untuk bersama-sama menyumbang kepada agenda perubahan iklim negara dan mengarus perdana isu itu dalam rancangan pembangunan dan pelaksanaan dasar negara," katanya.